

05/02/2004

YPB dikagumi masyarakat dunia

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, masyarakat antarabangsa, khususnya negara sedang membangun kagum dengan usaha dan kejayaan Malaysia menubuhkan Yayasan Pelaburan Bumiputera (YPB) serta menggembelngkan modal rakyat menerusi pengurusan tabung unit amanah seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, mereka ingin menggunakan struktur berkenaan kerana percaya ia juga dapat membangunkan ekonomi rakyat dan negara masing-masing.

"Inilah pengiktirafan paling bermakna kerana formula yang diperkenalkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad diperakui keberkesanannya pada peringkat antarabangsa," katanya pada majlis makan malam bertemakan 'Keranamu' anjuran YPB, di sini malam tadi.

Majlis itu sebagai penghargaan kepada Dr Mahathir yang menjadi pengerusi pertama YPB selama 25 tahun 10 bulan mulai 13 Januari 1978 hingga 31 Oktober 2003.

Teks ucapan Abdullah dibacakan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Turut hadir Dr Mahathir, Tun Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Pengerusi PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid serta Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Hamad Kama Piah Che Othman.

Abdullah berkata, sejak ditubuhkan, PNB berjaya menggembelng dana berjumlah RM42 bilion milik lapan juta pemegang akaun serta mengurus pelbagai pelaburan bernilai lebih RM60 bilion menerusi lebih 300 syarikat di Malaysia.

Katanya, ia memberi peluang kepada golongan berkemampuan dan miskin untuk menyertai tabung amanah seperti yang diuruskan PNB.

"Bilangan orang Melayu yang menyertai tabung unit amanah turut mencatatkan peningkatan yang menggalakkan.

"Begitu juga dengan penyertaan bukan Bumiputera yang menunjukkan keyakinan tinggi terhadap kemampuan pengurusan profesional Bumiputera menguruskan pelaburan mereka," katanya.

Katanya, teras utama itu yang dibina Dr Mahathir bagi mengimbangi tumpuan dan pembabitan ekonomi antara kaum turut merangsang kestabilan politik serta memacu pembangunan negara.

Sementara itu, Dr Mahathir menegur sikap Bumiputera yang masih belum memahami selok-belok pelaburan serta dunia perniagaan kerana hanya mengharap keuntungan tetapi tidak sanggup menanggung risiko kerugian.

Sehubungan itu, katanya, pengurus pelaburan perlu memberi tunjuk ajar serta maklumat kepada pelabur Bumiputera mengenai selok-belok dalam bidang berkenaan.

"Ilmu perniagaan ini juga perlu diketahui akhbar kerana mereka juga nampaknya tidak faham. Walaupun setiap hari melaporkan kemerosotan ekonomi, mereka juga mengecam PNB, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Tabung Haji kerana membayar dividen yang rendah ketika ekonomi merosot.

"Ini kerana mereka yang menjadi penganalisis sendiri tidak faham selok belok berniaga kerana mereka tidak berniaga. Mereka pakar analisis tetapi bukan pakar perniagaan," katanya.